



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**TYT TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK,
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

SIRI PIDATO UMUM TUN HAMDAN SHEIKH TAHIR KE-IV

**PADA 9 MEI 2023 (SELASA) JAM 10:00 PAGI
DI DEWAN BUDAYA USM, PULAU PINANG**

Bismillahirrahmanirrahim

YBhg Tan Sri Datuk Mustafa Mansur

Pro-Canselor Universiti Sains Malaysia dan isteri

YBhg Puan Sri Khuzaimah Abdul Mookmin,

YBhg Dato' Seri Dr. Isahak Yeop Mohd Shar

Pengerusi Yayasan Tun Hamdan,

YBhg Profesor Emeritus Dato' Dr. Isahak Harun

Tokoh Pemidato

Siri Pidato Umum Tun Hamdan Sheikh Tahir Siri ke-IV,

YBhg Profesor Dato' Gs. Dr. Narimah Samat

Mewakili Naib Canselor Universiti Sains Malaysia,

YBhg Profesor Emeritus Datuk Dr. Zainal Kling

Moderator bagi Pidato Umum Tun Hamdan Sheikh Tahir ke-IV,

Tetamu-tetamu jemputan,

Ketua-ketua Jabatan,

Pegawai-pegawai Utama Universiti

Para guru dan pelajar,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulilah bersyukur kita kehadrat Allah SWT, dengan limpah izin dan kurniaNya kita dapat bersama-sama berkumpul dalam majlis yang penuh gemilang pada hari ini.

2. Saya mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan ucapan sekalung penghargaan kepada seluruh pasukan jawatankuasa dari Yayasan Tun Hamdan dan Universiti Sains Malaysia yang telah menggembung tenaga bagi menjayakan penganjuran “Siri Pidato Umum Tun Hamdan Sheikh Tahir ke-IV” ini. Terima kasih saya ucapkan di atas jemputan untuk memberi ucaptama di majlis ini.

3. Mudah-mudahan kita semua mendapat keberkatan di bawah payung rahmat Yang Maha Esa. Insya-Allah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Sebagaimana kita sedia maklum, sistem pendidikan merupakan asas penting bagi membangunkan masyarakat dan negara ke arah yang lebih produktif dan makmur. Asas pendidikan khususnya di peringkat sekolah rendah dan menengah adalah sangat penting dalam mencorak dan membentuk generasi baharu yang seimbang dari aspek intelektual, emosi, jasmani, rohani dan sahsiah. Di samping itu, asas pendidikan juga adalah penting untuk menghasilkan pelajar yang mempunyai daya pemikiran yang kreatif, kritis dan berdaya saing dalam mempersiapkan diri untuk mendepani transformasi pendidikan di peringkat pengajian tinggi. Kesemua ini penting untuk melahirkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi serta produktif dalam menghadapi pelbagai cabaran yang mendarat di abad ke-21 selaras dengan hasrat Dasar Pendidikan Negara.

5. Dr. Noor Azlan Ahmad Zanzali, ketika membicarakan mengenai sejarah Pendidikan Negara, telah menyimpulkan bahawa pada zaman 50-an, proses pendidikan pada umumnya adalah proses pengajaran dan pembelajaran berlandaskan hafalan. Pencapaian pelajar diukur melalui peperiksaan awam. Pendekatan sistem persekolahan ketika itu berkait rapat dengan kemajuan sosioekonomi negara yang memerlukan bilangan tenaga kerja yang cekap, mahir dan efisien dengan segera.

6. Seterusnya, pada tahun 60-an, berikutan dengan reformasi pendidikan di seluruh dunia, para pendidik dan penggubal dasar pendidikan negara merasakan bahawa keupayaan murid menguasai kemahiran dengan cekap semata-mata tidak mencukupi. Penekanan kepada kefahaman adalah penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Murid-murid bukan sahaja perlu menguasai kemahiran, tetapi juga mesti memahami apa yang dipelajari.

7. Pada era 80-an pula, para pendidik mula prihatin terhadap peranan pendidikan dalam membentuk manusia. Proses pendidikan telah banyak melahirkan para cerdik pandai dalam pelbagai bidang. Namun, terdapat juga pelajar cemerlang dalam persekolahan tetapi tidak mempamerkan sikap atau ciri peribadi yang dihasratkan oleh sistem pendidikan kita.

Ketika itu Falsafah Pendidikan Kebangsaan mula diserapkan sebagai hala tuju proses pendidikan. Nilai murni mula diterapkan dalam proses Pengarajaran dan Pembelajaran (PdP). Tetapi kehendak sosioekonomi menyebabkan pencapaian prestasi pelajar masih merupakan fokus utama pendidikan. Penerapan nilai murni tidak mendapat peranan utama. Pencapaian lebih diutamakan dan kemenjadian atau pembinaan akhlak dan sahsiah hanya sebagai sampingan semata-mata.

8. Merujuk kepada Unit Perlaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU), pada masa kini penajaran pendidikan telah dibuat melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, untuk mewujudkan visi dan aspirasi yang jelas untuk setiap murid dan sistem pendidikan secara keseluruhan. Kementerian Pendidikan telah pun membayangkan apakah kemahiran yang diperlukan untuk anak-anak warganegara menongkah arus kepesatan teknologi dunia. Dengan mengambilkira persekitaran yang dinamik mempengaruhi ekosistem pembelajaran, faktor yang penting adalah untuk memastikan kemenjadian murid-murid yang seimbang ilmu dan akhlak, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

9. Jika kita menelusuri sejarah pentadbiran negara kita, cabaran utama yang menjadi seperti duri dalam daging adalah untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu padu walaupun berlainan agama, budaya dan kepercayaan. Cadangan telah dibuat untuk mewujudkan satu (1) sekolah integrasi yang menempatkan beberapa buah sekolah yang berbeza aliran dalam satu kawasan yang sama. Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, telah cuba mewujudkan sekolah wawasan yang bertujuan untuk menyatupadukan semua kaum dan agama, meningkatkan interaksi dan komunikasi, serta keterlibatan bersama, dengan berkongsi kemudahan-kemudahan bersama seperti kantin, padang permainan dan kemudahan-kemudahan lain. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor juga pernah bertitah menekankan kepentingan sistem pendidikan satu (1) aliran. Beliau percaya perpaduan kaum belum berjaya sepenuhnya kerana pendidikan asas sekolah adalah mengikut kaum. Sayangnya perkara ini belum dapat diterima sepenuhnya dan tidak dapat dilaksanakan sehingga ke hari ini.

10. Menteri Pendidikan YB. Puan Fadlina binti Sidek baru-baru ini telah menekankan empat (4) cabaran utama yang dikenalpasti dalam dimensi pendidikan iaitu, kesaksamaan pendidikan, kebajikan guru, pengajaran dan pembelajaran dan murid berkeperluan khas.

Cabaran yang terdapat dalam kesaksamaan pendidikan adalah untuk memastikan kesaksamaan pendidikan sebagai teras perkhidmatan dan kesaksamaan pengurusan sebagai teras perkhidmatan terhadap semua peringkat dapat direalisasikan supaya semua murid tanpa mengira lokaliti dan latar belakang akan mendapat peluang pembelajaran yang sama seperti murid lain.

11. Seterusnya, cabaran turut dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, iaitu meningkatkan capaian pendigitalan pendidikan sebagai usaha menguruskan kemiskinan multidimensi dan membantu pelajar dalam kalangan B40. Hal tersebut penting bagi memastikan pelajar kembali ke sekolah dan keluar daripada kemelut kecinciran. Manakala cabaran untuk murid berkeperluan khas adalah bagi memastikan hak untuk mendapatkan pendidikan wajib difahami, termasuk bagi murid berkeperluan khas yang terdiri daripada enam (6) kategori, iaitu ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran dan ketidakupayaan pelbagai. Bagi kebijakan guru pula, cadangan telah dibuat bagi memansuhkan sebarang bentuk pertandingan, sambutan atau majlis di semua peringkat yang tidak memberi impak besar terhadap pembelajaran murid dan menambah beban guru.

Soal profesionalisme dan kebijakan guru-guru lebih perlu diambil berat supaya guru guru dapat menjalankan tugas dengan baik serta bahagia dari segi emosi dan mental.

Hadirin sekalian,

12. Dalam menyentuh cabaran-cabaran yang dihadapi, sebagai pemerhati umum dan secara peribadi, adalah amat sedih bagi saya melihat persepsi negatif yang dilemparkan terhadap sistem pendidikan Malaysia oleh pihak luar negara serta individu dan organisasi organisasi tertentu dalam negeri sendiri. Kecenderungan ibu bapa Melayu sendiri menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dari Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) patut sekali diberi perhatian oleh pengubal dasar dan pelaksana sistem pendidikan negara.

13. Pada firasat saya, segala cabaran yang dihadapi perlu diselesaikan dengan baik dan berkesan. Adalah penting dalam sistem pendidikan alaf baru ini untuk institusi pendidikan sentiasa relevan dan *up to date* dari masa ke semasa.

Sistem pendidikan tidak boleh statik kerana realitinya sekarang, dengan peredaran zaman dan teknologi serta pelbagai perkembangan yang berlaku, seperti wabak Covid-19 dan revolusi perindustrian 4.0, adalah penting bagi institusi pendidikan cepat berubah, fleksibel, kreatif, berfikir di luar kotak, sentiasa terkini dan cepat mengadaptasi untuk kekal relevan bagi mendepani cabaran-cabaran baru demi kepentingan bangsa, agama dan negara. Saya yakin, dengan pengalaman dan kepakaran yang sedia ada, cerdik pandai, pemimpin, pensyarah, pakar-pakar pendidikan dan guru-guru akan lebih berani untuk menyampaikan saranan dan pandangan kepada pembuat dasar bagi menambahbaik sistem pendidikan, berpandukan falsafah pendidikan negara serta sesuai dengan masyarakat dan budaya kita.

14. Dengan ini dan dengan lafadz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan “**Siri Pidato Umum Tun Hamdan Sheikh Tahir ke-IV.**”

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.